

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 / 2 / 2011

Tiada campur tangan Mahathir - Tom Plate

PUTRAJAYA 22 Feb. - Penulis buku *Conversation With Mahathir Mohamad* hari ini menegaskan buku tersebut adalah hasil tulisannya sendiri tanpa ada campur tangan daripada bekas Perdana Menteri keempat itu.

Tom Plate berkata, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahkan menolak tawaran beliau untuk membaca dan mengubah apa-apa fakta dalam buku itu sebelum dijual di pasaran.

"Saya ada memberitahu Dr. Mahathir bahawa beliau mungkin tidak bersetuju dengan beberapa fakta dalam buku itu.

"Beliau mengakui perkara tersebut tetapi tidak kisah mengenainya dan mahu saya menulis dengan jujur," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran buku itu di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, hari ini.

Turut hadir Pengurus Besar dan Penerbit Marshall Caven-

dish International, Chris Newson.

Buku tersebut merupakan jilid kedua dalam siri *Giants of Asia* selepas *Conversation With Lee Kuan Yew* yang diterbitkan oleh Marshall Cavendish.

Sementara itu, Marshall Cavendish dalam kenyataan akhbar yang diedarkan pada majlis itu menyatakan, empat badan amal di negara ini akan menerima RM200,000 hasil jualan sebanyak 20 buah buku tersebut yang mempunyai tandatangan penulis dan Dr. Mahathir.

"Sehingga kini, sebanyak RM40,000 telah dipungut hasil derma daripada empat buah syarikat swasta iaitu Deloitte Consulting Ltd, Rahmat Lim & Partner, Malayan Sugar Manufacturing Co dan Central Sugar Refinery SB.

Buku itu berharga RM10,000 senaskhah.



TOM Plate bersama buku *Conversation With Mahathir Mohamad* di Putrajaya, semalam. - ZAKI AMIRUDDIN